

Usia Bukan Penghalang untuk Berhubung Atas Talian

Nama : *Haspullah Bin Hashim*
PI1M : *Felda Gunung Besout 4*
Pemberi Pkhidmatan : *Packet One Networks Sdn Bhd*

Pembukaan Pusat Internet 1Malaysia (PI1M) Felda Gunung Besout 4 di Sungkai, Perak telah memberi makna yang besar kepada En. Haspullah bin Hashim, 53 tahun. Beliau yang hanya mempunyai pendidikan di peringkat sekolah rendah sentiasa berusaha untuk mempelajari pelbagai perkara baru di sekelilingnya bagi memastikan beliau tidak ketinggalan di dalam kecanggihan dunia teknologi maklumat dan komunikasi yang kian berkembang pesat pada hari ini. Berbekalkan semangat ini, beliau yang bekerja sebagai Peneroka Felda bagi mencari rezeki untuk menyara kehidupan keluarganya telah hadir ke Pusat Internet 1Malaysia (PI1M) bagi mempelajari bagaimana untuk menggunakan komputer dan mendekati diri dengan dunia Internet.

Kesungguhan beliau mempelajari internet didorong oleh keinginannya untuk berhubung dengan anak lelakinya

yang menuntut di salah sebuah Universiti di Jepun. Kehadiran beliau ke PI1M ternyata tidak sia-sia. Beliau amat teruja dengan kemudahan yang disediakan serta kagum dengan bantuan tunjuk ajar serta perkhidmatan yang diberikan di PI1M. Beliau sama sekali

malu kerana pada fikirannya beliau akan diajar seperti kanak-kanak sekolah. Bagaimanapun, segala perasaan negatif yang dirasakan hilang sebaik sahaja mengikuti kelas pertama di PI1M. Beliau dan rakan-rakan yang lebih kurang sebaya dengannya diajar dan dibimbing

menggunakan komputer dan Internet dalam suasana yang penuh santai dan menyenangkan. Menurut beliau, kelas latihan yang disediakan oleh pihak PI1M memberi banyak faedah kepada komuniti dalam meningkatkan kadar literasi ICT dalam kalangan penduduk Felda sendiri. Kesabaran Pengurus PI1M, Puan Norazlina Omar dan pembantunya, Cik Norhasniza Mishan mengajar warga emas

seperti beliau, turut menguatkan semangat beliau dalam mempelajari ilmu ICT.

Beliau telah diajar oleh pihak PI1M untuk menggunakan aplikasi 'Skype' iaitu suatu aplikasi yang membolehkan



Usia bukan menjadi faktor penghalang Haspullah untuk mempelajari teknologi ICT

tidak menyangka bahawa beliau berpeluang untuk mempelajari menggunakan komputer dan bersama-sama berada di dalam dunia kecanggihan ICT pada hari ini. Dalam usia beliau yang semakin lanjut, beliau juga khuatir dan mempunyai sedikit rasa



Haspullah sedang berhubung dengan anak lelakinya yang berada di Jepun menggunakan applikasi 'Skype'

pengguna berhubung dengan orang yang jauh melalui panggilan video. Melalui penggunaan 'Skype', beliau dapat berhubung dengan anak lelakinya yang berada jauh di Jepun pada bila-bila masa dengan kadar penggunaan internet yang murah. Jarak yang jauh dirasakan dekat dan kerisauan beliau terhadap keadaan anaknya dapat diatasi setelah dapat mendengar suara dan menatap wajah anaknya secara langsung di skrin komputer. Malah, perkhabaran tentang kehilangan sanak-saudara ataupun peristiwa-peristiwa yang berlaku di kampung juga dapat dikhabarkan kepada anaknya semasa panggilan video dibuat.

Setelah mahir menggunakan 'Skype', beliau kemudiannya diperkenalkan dengan aplikasi 'Facebook'. Beliau telah memanfaatkan penggunaan media sosial ini untuk berkomunikasi dengan anaknya dan mengetahui perkembangan diri serta pembelajaran anaknya menerusi perkongsian gambar-gambar anaknya di Jepun. Segala pengalaman suka duka, detik-detik

indah dan kejayaan anaknya telah dapat dikongsi bersama dengan seluruh ahli keluarganya yang berada di kampung. Secara tidak langsung, En. Haspullah juga dapat meluaskan pandangan dan menambahkan pengetahuannya tentang negara Jepun itu sendiri. Selain itu, beliau juga menggunakan 'Facebook' untuk berhubung dengan saudara-mara serta rakan-rakan sekolah lamanya yang dikenali sejak tahun 60'an. Selain memberi peluang kepada beliau untuk menjejaki rakan-rakan sekolah dan saudara mara, Facebook juga memudahkan beliau untuk berinteraksi dengan pemimpin tempatan dengan lebih dekat lagi. Contohnya beliau sering berbalas komen dengan YB Dato' Mohd Khusairi bin Abdul Talib, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Slim River mengenai isu-isu semasa tentang politik dan masalah komuniti setempat di Besout 4. Laman Facebook milik beliau adalah <https://www.facebook.com/haspullah.hashim>. Beliau juga pernah menulis blog peribadi di <http://haspullahashim.blogspot.com>

yang menceritakan aktiviti seharian dan pengalaman untuk dikongsi bersama pembaca.

En.Haspullah juga merupakan salah seorang biro AJK Masjid Assalamuddin Felda Gunung Besout 4. Hal ini menjadikan beliau merasa terpanggil untuk mempelajari teknik penulisan surat bagi membantu mendapatkan dana membaikpulih keadaan masjid. Setiap hari En.Haspullah akan menghabiskan masa pada sebelah pagi atau petang di PI1M Felda Gunung Besout 4 untuk belajar menaip surat. Semakin hari, beliau semakin mahir menulis surat sehingga beberapa kali berjaya mendapatkan dana untuk membaikpulih keadaan masjid.

En. Haspullah merasakan bahawa kemudahan yang disediakan di PI1M benar-benar telah membolehkan beliau dan rakan-rakannya di kampung melaksanakan pelbagai urusan dengan lebih mudah dan cepat tanpa melibatkan kos yang tinggi. Beliau juga sangat bersyukur kerana pembinaan PI1M ini telah membawa kehidupan mereka ke satu tahap yang lebih maju dan tidak terpinggir daripada kemajuan yang dikecapi di dalam dunia tanpa sempadan kini. Sebagai wakil kepada komuniti Felda Besout 4, beliau mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada pihak Kerajaan yang menyediakan kemudahan ini dan amat menghargai usaha murni untuk mengurangkan jurang digital di antara penduduk di kawasan bandar dan luar bandar.